

# Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 9 – April 1951 – senaskah 60 sen.

## BIDASAN KEPADA PEMBENCI-PEMBENCI MUKTAMAR ISLAM

-----\*-----\*-----

Kalau kita perhati tentang pergerakan-pergerakan dunia Islam yakni tiap-tiap gerak yang ditubuhkan atau yang diadakan dengan nama agama Islam itu maka kita akan mendapati bahawa yang demikian tidak sunyi mendapat bantahan-bantahan daripada orang-orang yang bukan Islam yakni musuh-musuh Islam sama ada dari Barat atau dari Timur ataupun daripada orang-orang Islam sendiri yang di belakangnya berdiri anasir-anasir pembenci kepada Islam itu. Mereka itu takut bahawasanya dengan gerak-gerak persatuan umat Islam itu maka dengan mudahnya akan berdiri suatu binaan yang kuat yang telah dilihat mereka jasa-jasanya dan kekuatan dengan sebab persatuan di dalam Islam itu adalah berasas kepada satu Tuhan, satu kemanusiaan dan satu kebangsaan – yang dibina dan ditunjukkan oleh Allah cara-cara binaannya dengan peraturan-peraturannya – bukannya dengan binaan manusia.

Apa yang kita sebutkan di atas ini adalah terbukti dengan nyatanya daripada siaran-siaran bantahan-bantahan pembenci-pembenci Islam terutamanya dari Moscow dan India di dalamnya kedua-dua tempat itu tidak menghantarkan seorang pun wakilnya padahal di sana ada banyak orang-orang Islam. Selain daripada itu bantahan-bantahan itu dengan terang dan nyata ditulis mereka dengan berbagai-bagai tuduhan yang mengatakan bahawasanya Mukhtamar Al-'Alim Al-Islami itu adalah perkakas-perkakas juga kepada lain-lain kuasa yang nampaknya dengan membandingkan kepada keadaan-keadaan yang telah lalu di dalam mana orang-orang Islam telah tertipu beberapa kali.

Perkataan-perkataan yang tersebut di bawah ini adalah disiarkan oleh New Times Number 4, Moscow, yang telah menuduh perjumpaan-perjumpaan atau muktamar Islam sama ada muktamar-muktamar Iktisad Islam yang telah diadakan di Iran ataupun muktamar Islam di Karachi itu adalah suatu perbuatan yang tidak berpendirian sebagaimana katanya:

“Tujuan perjumpaan yang kedua yang akan datang dari muktamar Al-'Alim Al-Islami ialah hendak menubuhkan suatu “Persaudaraan Islam Sedunia” penganjur-penganjur ikatan kecerobohan yang baharu itu berharap bahawa perjumpaan Karachi itu akan menyegerakan berjalannya cadangan mereka. Kumpulan ahli siasah yang tak ada perdiriannya yang berkhidmat kepada penjajah yang berdiri di belakang cita-cita yang tersembunyi ini adalah dengan tidak bermalu hendak memodalkan perasaan-perasaan kebangsaan dan keagamaan untuk mengganggu perjuangan yang adil dari umat-umat negeri-negeri Timur melawan desakan kezaliman penjajahan dan kerana kebebasan kebangsaan.”

Demikianlah satu tuduhan dari Moscow yang mengetahui bahawa kalau ukhwah (persaudaraan Islam) sedunia dapat terikat maka mereka akan meliputi suatu kebangsaan yang tidak bersempadan kepada sempadan-sempadan negeri sebagaimana yang dipecah belah oleh penjajahan-penjajahan itu dan ia mengetahui bahawa ukhwah itu akan membawa bahaya kepada cita-citanya untuk melebarkan lagi pengaruh-pengaruhnya di Timur ini yang sudah tentu jika umat Islam itu sebenarnya berpegang kepada ajaran Islam tidak akan terikat kepada faham-faham itu dikecualikan kepada mereka yang Islam pada kulitnya sahaja yang boleh dijadikan oleh mereka itu sebagai pembawa anasir-anasirnya meracun ke dalam ukhwah dan pengajaran orang-orang Islam dengan mendatangkan tuduhan-tuduhan dari dalam bahawa konon-kononnya pengajaran Islam itu tidak sesuai dengan manusia – *Lahaulawala quwata illa biLlahi al-azim*.

Sebagaimana yang tersebut di atas ini adalah menjadikan kita menaruh syak dan menaruh sangka begitulah harus nampaknya sebagaimana yang di rancangan oleh Moscow itu terhadap kepada Islam, akhbar Utusan Zaman yang berbangga sebagai sebuah akhbar kebangsaan, yakni kebangsaan yang tidak mengikut ajaran Islam, di dalam rencana pengarangannya pada 4 Mac 1951 tatkala

mengulas Muktamar al-'Alam al-Islami yang diadakan di Karachi

itu telah berkata:-

“Pada umumnya keputusan-keputusan itu berupa membela kepentingan Islam seluruh dunia tetapi ada juga yang istimewa untuk kepentingan beberapa buah negeri Islam seperti hal orang-orang Islam yang diperintah oleh Tito di Yugoslavia, hal kedudukan tentera British di Lembah Sungai Nil (Sudan dan Terusan Suez), hal menuntut tentera India keluar dari Hyderabad, hal Kahsmir, hal Eriteria, hal bahasa Arab sebagai bahasa persatuan Islam dan sebagainya.

“Kita sesungguhnya menyatakan duka cita bahawa Muktamar Islam sedunia itu sedikit pun tidak menyentuh soal-soal pertadbiran dan tanggungan umat Islam di tanah-tanah jajahan jauh sekali daripada mengambil satu keputusan yang dapat dijalankan bagi maslahat umat-umat yang terjajah itu.

Perjumpaan Muktamar al-'Alam Al-Islami itu sepanjang pengetahuan kita ialah perjumpaan yang pertama yang jika tidak pun mendapat apa-apa natijah yang besar tetapi bolehlah ia disebut suatu kejayaan oleh kerana ia dapat merapatkan ukhwah di antara umat Islam yang beberapa lamanya telah terpisah dengan sebab adanya maslahat-maslahat penjajahan sehingga masing-masing tidak mengetahui hal ehwal di antara satu sama lain.

Di dalam perundingan-perundingan itu maka sudah tentulah hal ehwal mereka masing-masing itu dibahas dan difikirkan sudah tentulah negeri Hyderabad, yang dijajah oleh India itu, menjadi maslahat orang Islam, tindasan-tindasan atas orang Islam di Yugoslavia itu menjadi maslahat orang Islam, demikian juga Kashmir dan lain-lainnya oleh kerana pengajaran Islam itu berpandu kepada hadis Rasullullah (SAW) yang bersabda: “Bahawasanya orang Muslim dengan saudaranya Muslimin itu adalah sebagai batu bina yang membina” – Rosak satu akan membinasakan semua sekali dan tidak hairanlah dengan asas persaudaraan yang demikian, bagi mereka yang beriman, setelah menyempurnakan tanggungan dirinya, wajib menyempurnakan tanggungannya kepada saudara-saudaranya itu bagi melepaskan bebanan-bebanan atau aniyai-aniyai yang dilakukan ke atas mereka.

Tiap-tiap sesuatu keluarga Islam yang hendak meminta

tolong kepada saudara-saudaranya yang di luar daripada lingkungannya itu hendaklah ia berusaha bekerja membetulkan kedudukan rumah tangganya. Pertelakahan itu membebaskan diri dan menyempurnakan diri itu terlebih dahulu hendaklah diusahakan oleh sendi-sendi masyarakat itu sendiri dengan lebih dahulu mengorbankan belia-beliannya, kemudian lelaki-lelakinya dan kemudian perempuan-perempuannya dan setelah itu baharulah mereka meminta pertolongan kepada saudara-saudaranya dan tidak munasabah sekali-sekali ia mengharapkan pertolongan daripada luar sedang ia sendiri berpeluk tubuh tidak mengendahkan hal ehwal maslahat dirinya dan dengan sebab itu tidaklah munasabah sekiranya kita berkata mengapa kedudukan-kedudukan hal ehwal di negeri Melayu tidak diendahkan padahal kita sendiri tidak menghantarkan wakil-wakil kita ke sana, alim ulama kita dan cerdik pandai kita berpeluk tubuh sedang pertubuhan-pertubuhan yang ada, memandang Islam itu penghalang kepada kemajuan mereka maka sudah barang tentu kesalahan itu terbitnya daripada kita sendiri bukan daripada orang lain. Kita tidak membina diri kita, kita tidak mengendahkan ajaran-ajaran Islam dan kita tidak membesarkan ukhwah di dalam Islam, sudah tentu kita tidak dikenal orang dan kenapa kita mesti menyalahkan muktamar itu? Kita mesti salahkan diri kita sendiri, kita mesti salahkan kecuaiannya kita sendiri.

Perwakilan yang dihantar daripada Semenanjung Tanah Melayu ini yang terdiri daripada orang yang bukan Melayu itu bukannya dihantar oleh Pertubuhan Melayu tetapi dihantar oleh Muslim League dan seorang lagi kononnya oleh Muktamar Islam Tenggara Asia yang baharu menubuhkan suatu jawatankuasa sementara (Proteam Committee) yang di dalamnya harus terdiri sesuatu maslahat diri atau bukannya maslahat sebenarnya mewakili kaum oleh sebab tiap-tiap perwakilan itu hendaklah membawa suatu rancangan oleh pertubuhan yang diwakilinya itu bukan mengikut kemahuannya sendiri. Demikian juga nampaknya di dalam rencana pengarang Utusan Zaman itu terselit suatu perkataan yang nampaknya membenci kepada bahasa Arab terbukti

(sambungan pada muka 7)

sepatutnya diberi timbangan yang rapi oleh muktamar ini.

“Dunia adalah sedang mengalami perubahan-perubahan yang besar. Perjuangan-perjuangan bersenjata telah berlaku dan kekuatan senjata adalah sedang digunakan bagi menyelesaikan masalah-masalah ini. Dunia Islam, dengan keadaan-keadaan demikian, tak dapat tidak mestilah terkait oleh perubahan-perubahan itu.

“Oleh itu saya mesti menegaskan akan kehendak kepada bersatu yang sebenar dan yang lebih rapat daripada segala lapisan orang-orang Islam di seluruh dunia. Orang-orang Islam mesti sedar bahawa mereka mesti mara ke hadapan mengikut masa dan mesti melangkah sama mengikut langkah kemajuan dunia yang sekarang.”

Berkenaan dengan perbalahan atas pendapatan dan fahaman dalam dunia sekarang maka Tuan Syamsul Rijal berkata bahawa dunia Islam telah tertarik menuju kepada perbalahan-perbalahan ini dan jika dunia Islam tidak mengambil langkah menghurai dan menguatkan faham Islam dengan bersungguh-sungguh maka ia akan membahayakan masalah-maslahatnya sendiri. Inilah sebabnya mengapa maka muktamar ini patut menubuhkan suatu pertubuhan kerana maksud itu.

Pertubuhan ini, katanya lagi, mestilah mempelajari perkara itu, dengan dalam-dalam dengan berkesan dan dengan pandangan yang luas, dan hendaklah berjalan menuju ke arah ini dengan bersungguh-sungguh.

Undang-undang dan adat yang masih dipakai dalam dunia Islam yang boleh mengganggu kemajuan hendaklah diubah atau dibaiki serunya.

Perubahan ini, kata Tuan Syamsul Rijal mestilah digelar akan dia “Ahli Fikiran Dunia Islam” dan hendaklah mengambil langkah yang sehati kerana tujuan itu dan janganlah hendaklah menghilangkan masa dalam perbahasan sahaja.

“Mudah-mudahan Tuhan yang Maha Kuasa akan memandu kita dalam perjuangan kita kerana kemajuan” – kata Tuan Syamsul Rijal menamatkan ucapannya.

Tuan Syamsul Rijal adalah menggantikan tempat Dr Sukiman yang dirancangan hadir dalam persidangan itu. tetapi telah uzur. Ia telah menjadi pengerusi muktamar itu pada hari yang kedua iaitu pada 10 Februari 1951.

(sambungan dari muka 4)

daripada maksudnya yang menyatakan bahawa bahasa itu hanya kepentingan beberapa buah negara Islam sahaja.

Bahasa Arab itu bagi seseorang Islam adalah sangat-sangat mustahak bukannya kerana ia digunakan oleh orang Arab tetapi oleh kerana Quran itu diturunkan dalam bahasa itu iaitu menjadi punca atau asas agama dan Allah telah berfirman yang maksudnya: “Apabila dibacakan di hadapan kamu Quran maka hendaklah kamu dengar akan dia dengan sebaik-baiknya mudah-mudahan kamu mendapat rahmat.”

Maksud dan tujuan ayat ini bukannya ditujukan hanya kepada bangsa Arab tetapi kepada semua orang Islam dan bagaimanakah seseorang akan mendengar ketinggian dan kemuliaan ayat-ayat yang dibacakan itu sekiranya ia tidak mengerti maksud dan tujuannya. Perkara ini telah menjadi perbahasan yang hebat di dalam muktamar itu oleh kerana pencadangnya itu daripada orang Arab dari Malaya dan dan telah dituduh oleh wakil-wakil Turki dan Indonesia sebagai tujuan daripada orang Arab sendiri (oleh kerana orang yang membawanya orang Arab) tetapi tujuan itu telah didapati apabila mereka itu telah difahamkan bahawasanya bukan kerana orang-orang Arab tetapi kerana Al-Quran dan Al-Quran itulah yang telah menganjurkannya. Muktamar itu memuliakan bahasa-bahasa masing-masing negeri tetapi bahasa Al-Quran itulah menjadi bahasa persatuannya dan yang demikian hendaklah difaham di mana duduknya bahasa Al-Quran itu yang telah nampaknya dipandang jijik oleh rakan kita di Churchill Street itu.

Kita wajib mengingatkan bahawa mencacat sesuatu cita-cita yang mulia pada pandangan Islam itu dengan tujuan dan segala ikhtiar-ikhtiarnya bagi menyatu al-ukhwah al-Islamiah yang wajib digalakkan oleh mereka yang beriman janganlah hendaknya mencari jalan, dengan apa jua jalan sekalipun, mengecil-ngecilkannya dengan jauh sekali daripada menggalakkan yang menjadi sebab, dengan keadaan-keadaan dan peredaran-peredaran yang telah berlaku. Orang-orang percaya dan syak ada berdiri anasir-anasir dibelakangnya sebagaimana yang terbayang di atas tadi. Rasullullah (SAW) bersabda: “Tidak beriman seseorang kamu sebelum ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri” – adanya.